

'LANG' KAH 'PINTU'? PERUBAHAN LEKSIKAL MASYARAKAT MELAYU SARAWAK DEWASA INI

LEXICAL CHANGE IN THE SARAWAK MALAY DIALECT

Monaliza Sarbini-Zin¹

Rosnah Mustafa²

Haikal H. Zin³

Radina Mohamad Deli⁴

^{1 2 4}Centre for Language Studies, Universiti Malaysia Sarawak

³Academy of Language Studies, UiTM Sarawak

szmonaliza@cls.unimas.my¹

mrosnah@cls.unimas.my²

haikalhammaadzin@sarawak.uitm.edu.my³

mdradina@cls.unimas.my⁴

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan melihat fenomena perubahan leksikal atau kosa kata yang berlaku dalam Dialek Melayu Sarawak (DMS). Untuk tujuan ini, dalam kertas kerja siri pertama ini, pengkaji akan memberikan sedikit gambaran perubahan kepada beberapa leksikal yang biasa digunakan oleh penutur asli DMS di kawasan Kuching dan Kota Samarahan sekitar tahun 60-an sehingga akhir 90-an dan cara perubahan secara konsisten telah berlaku pada akhir tahun 90-an sehingga kini. Data kajian dikutip hasil temu bual informal dengan informan-informan yang berumur antara belasan tahun sehingga 80-an. Data juga dikutip hasil pemerhatian. Dapatan kajian mendapati terdapat kosa kata penutur asli DMS berubah seiring dengan perubahan zaman dan termasuklah kosa kata yang biasa digunakan oleh penutur yang berumur ada yang tidak lagi digunakan. Antara sebab perubahan yang berlaku secara gradual ini termasuklah taraf pendidikan, sikap penutur sendiri, faktor modenisasi perkahwinan campur, dan taraf ekonomi dan sosial.

Kata kunci: perubahan leksikal, Dialek Melayu Sarawak

Abstract

This paper examines the phenomenon of lexical change in Sarawak Malay Dialect (SMD). Towards this purpose, the paper serves as the first in a series of articles that relate to the development of the lexicon of SMD from the 1960s to the end of 1990s. This paper specifically aims to bring to light observable patterns in the usage of vocabulary of this variety of Malay among younger SMD speakers in the Kuching and Kota Samarahan districts. The data for the study were obtained through informal interviews with informants who were in their teens to their eighties. Observations of the SMD use were also carried out. The results indicate that the vocabulary items used by native speakers of SMD have changed with time. Several words (among many others) are observed to be less and less used among the

younger generations of SMD speakers. It discusses, in brief, factors that cause gradual changes in a language, which include educational level, speakers' attitudes, modernisation, mixed marriage, and socio-economic status.

Keywords: Lexical change, Sarawak Malay Dialect

Pendahuluan

Bahasa merupakan sistem lambang pertuturan yang dinamik dan bersifat arbitrari. Dalam erti kata lain, bahasa sentiasa mengalami perubahan. Umum mengetahui perubahan yang paling ketara adalah dari segi kosa kata sesuatu bahasa. Demikian juga halnya dengan Dialek Melayu Sarawak (DMS). Kajian ini memfokus kepada perubahan kosa kata dalam DMS terutama dalam kalangan generasi muda penutur asli DMS. Data kajian diperoleh daripada penutur asli DMS yang berumur antara awal 20-an dan 80-an. Kaedah kajian menggunakan perbincangan secara informal antara pengkaji dengan informan dan juga berdasarkan pemerhatian pengkaji yang merupakan penutur asli DMS.

Perbincangan

“Mun ko nok tido, tido dalam telok nun. Jangan tegeley-geley sitok. Lang ya tutup, sik urang nangga ko melansut jangkak tok”.

“Mun ko nok tido, masok dalam bilit. Jangan tegeley-geley/gurin sitok. Tutup pintu, sik urang nangga ko tido jangkak tok”.

Ungkapan yang tertera di atas merupakan ungkapan biasa dalam pertuturan domestik harian masyarakat Melayu Sarawak. Namun, perbezaan yang ketara dapat dilihat dari segi pemilihan kosa kata yang berbeza. Walaupun maksud yang hendak disampaikan dalam kedua-dua ayat adalah sama, namun disebabkan kosa katanya berbeza, ini sekali gus mengubah lenggok dan daftar bahasa yang digunakan. Besar kemungkinan apabila ayat pertama diajukan kepada generasi masa kini terutama generasi bawah usia 30-an, bunyinya agak janggal atau tidak langsung difahami.

Seiring dengan perubahan zaman dan proses modenisasi seperti bahasa-bahasa lain, DMS telah mengalami perubahan yang agak ketara. Penggunaan beberapa perkataan seperti yang bergaris di atas sama ada tidak lagi digunakan ataupun hanya digunakan oleh segelintir masyarakat Melayu Sarawak. Umum mengetahui bahasa merupakan sesuatu yang dinamik, iaitu sukar untuk membendung perubahan atau peralihan yang berlaku dalam penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat. Perubahan serta peralihan ini bukan berlaku dalam sekelip mata tetapi secara perlahan dan tidak disengajakan mahupun dirancang. Dalam erti kata lain, proses perubahan tersebut berlaku secara semula jadi. Fromkin, Rodman dan Hyams (2003, p. 499) menganalogikan perubahan yang berlaku dalam bahasa seolah-olah perubahan yang berlaku dalam astronomi:

All living languages change with time. It is fortunate that they do so rather slowly compared to the human life span. It would be inconvenient to have to relearn our native language every twenty years. Stargazers find a similar

situation. Because of the movement of individual stars, the constellations are continuously changing their shape. Fifty thousand years from now we would hardly recognize Orion or the Big Dipper, but from season to season the changes are imperceptible. Linguistic change is also slow, in human- if not astronomical- terms. As years pass we hardly notice any change.

Nagy (2010, p. 2) menyokong andaian umum ilmuan yang menyatakan perubahan yang paling ketara dalam sesuatu bahasa adalah dari segi leksikal. *“It is commonly claimed that the lexicon is the most volatile part of language and most likely to undergo change due to superstrate influence in a language contact situation”*. Namun, hakikatnya tiada sesiapa yang benar-benar mengetahui secara terperinci cara atau faktor yang menyebabkan bahasa berubah. Faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu bahasa berubah bukanlah mudah untuk ditentukan. Antara faktor yang diketahui menyumbang kepada peralihan atau perubahan dalam bahasa (perubahan yang dimaksudkan di sini bukanlah perubahan yang dilalui seseorang dalam memperoleh (*acquiring*) atau mempelajari (*learning*) sesuatu bahasa) termasuklah pinjaman kosa kata daripada bahasa-bahasa lain dan proses asimilasi, iaitu proses untuk memudahkan artikulasi (*ease of articulation*). Antara faktor lain yang menyebabkan kecenderungan kepada berlakunya perubahan leksikal ini termasuklah faktor sosial, status ekonomi, proses urbanisasi, atau sikap penutur sesuatu bahasa itu sendiri (Johnson, 1993; Habib, 2005; Nagy, 2010).

Penutur sesuatu bahasa mempunyai kecenderungan untuk menyesuaikan sebutan mereka untuk memudahkan atau untuk menjadikan sebutan menjadi lebih efisien. Sebagai contoh, huruf vokal yang hadir sebelum konsonan nasal dalam bahasa Inggeris selalunya dinasalkan untuk memudahkan artikulasi. *“The Great Vowel Shift”* telah membawa kepada perubahan dalam bahasa dan ia juga merupakan fenomena yang sukar untuk dihuraikan. Faktor lain yang membawa kepada perubahan dalam nahu sesuatu bahasa ialah *analogic changes*. Hasil perubahan analogik ialah pengurangan dalam bilangan morfem yang tidak sekata (*irregular morphemes*) yang terpaksa dipelajari dan diingati satu persatu (Fromkin et al., 2003). Jika diperhatikan, kita akan dapati manusia sentiasa mencari jalan untuk memudahkan cara mereka berinteraksi dan berkomunikasi. Keperluan manusia untuk memudahkan cara sebutan atau ejaan sesuatu perkataan supaya mudah difahami ataupun untuk menjimatkan masa contohnya, mendorong mereka untuk menjadi kreatif dan inovatif, sama ada secara disadari oleh mereka ataupun tidak. Ironinya “pengurangan” sebutan, ejaan atau morfem ini sebaliknya mencambah perkataan-perkataan baru atau pun melahirkan variasi lain dan ini “memperkayakan” bahasa tersebut.

Perubahan dalam sesuatu bahasa boleh terjadi dalam mana-mana angkubah linguistik contohnya, dari sudut fonetik mahupun semantik. Dalam artikel ini, aspek yang akan dikupas ialah kosa kata DMS. Antara isu yang dibincangkan ialah terdapat sesetengah kosa kata dalam DMS lama yang jarang sekali digunakan dalam era ini terutama bagi golongan muda. Tanda-tanda perubahan dalam pilihan leksikal ini bukan sahaja dapat didengari daripada perbualan – perbualan rawak, tetapi dapat dilihat secara jelas dalam penulisan atau perbualan bertulis tidak formal dalam rangkaian media sosial. Sebagai contoh, perkataan “gadong” agak jarang digunakan. Sebaliknya, anak-anak muda dewasa ini lebih sering mengungkapkan “ijo” yang bermakna “hijau” dalam perbualan mereka. Demikian juga dengan penggunaan “engkodok” bagi warna “ungu”. Selain itu, masyarakat dewasa ini sering menggunakan perkataan “purple” bagi maksud warna ungu. Dalam hal yang sama perkataan “lipstick” kerap digunakan untuk menggantikan perkataan DMS “bicu”. Begitu juga dengan perkataan “pupor” yang digantikan dengan perkataan “compact powder” atau “compact” sahaja. Dalam hal ini, pengaruh bahasa Inggeris amat ketara sekali

dalam perbualan masyarakat Melayu tempatan. Walaupun masih ramai penutur asli DMS menggunakan “manok” namun tidak dapat dinafikan perkataan “ayam” juga popular, terutamanya dalam kalangan penutur muda DMS. Perkara yang sama dapat diperhatikan dengan penggunaan perkataan “moto”. Dalam DMS, “moto” bererti “kereta”. Perkataan bahasa Melayu standard didapati lebih kerap digunakan oleh generasi muda Melayu Sarawak dewasa ini.

Artikel ini bukanlah bertujuan memberi bukti-bukti eksperimental untuk pemerhatian rawak mahupun hipotesis kajian ini. Sebaliknya, kajian ini bertujuan menghurai dan membincangkan beberapa perkataan yang didapati sudah hampir hilang penggunaan dalam pertuturan generasi muda kini. Dalam artikel mendatang, dapatan atau hasil kajian berkaitan dengan isu perubahan penggunaan DMS dalam kalangan penuturnya akan dirungkaikan.

Jadual 1 menyenaraikan beberapa perkataan lama DMS yang dipilih dan perkataan baharu atau alternatif yang didapati digunakan dengan agak meluas masa kini. Perkataan lama yang dimaksudkan ialah perkataan-perkataan yang sering ditutur oleh generasi lama, seawal lebih kurang 20 tahun yang lalu, iaitu sekitar tahun 2000. Perkataan baharu pula bererti perkataan-perkataan yang diamati lebih kerap digunakan oleh anak-anak muda dewasa ini. Perlu diingatkan bahawa tiada garisan penamat mutlak yang menunjukkan waktu sesuatu perkataan “dihenti-pakai” dan “dimula-pakai”. Tindakan pasti berlaku dan perkara yang ingin diketengahkan ialah perubahan leksikal dalam DMS secara makro.

Jadual 1

Perkataan yang jarang digunakan dalam DMS:

	Perkataan lama	Perkataan baharu	Maksud dalam Bahasa Melayu Standard
1.	Telok	Bilit	Bilik
2.	Lang	Pintu	Pintu
3.	Tekoan	Ketel	Cerek
4.	Kaleng	tingkat/ringkat	Mangkuk tingkat
5.	Leci	Periok	Periuk
6.	Godang	Klenik	Klinik
7.	Kelido	Sendok	Senduk
8.	Ladin	Pisok	Pisau
9.	Kumbuk	Selimut	Selimut
10.	Ampus	Asma	Lelah
11.	Percak	Sapu tangan	Sapu tangan
12.	Loyang	Periok	Periuk
13.	Pupor	Compact powder/compact/poda	Bedak
14.	Bicu/inci	Lipstick	Gincu
15.	Dasan	Tempat/bekas	Tempat/bekas
16.	Sep	Lemari	Almari
17.	Kungkong	Rantey	Rantai
18.	Moto	Kereta	Kereta
19.	Tadeng	Antin-antin/sumpin	Anting-anting
20.	Rumah pasong	Polis stesen/balai polis	Balai polis

Perubahan yang agak ketara terjadi dalam kalangan Masyarakat Melayu Sarawak yang bermastautin di kawasan bandar. Amatan dan temu bual secara informal dengan informan-informan mendapati, antara lain, faktor yang mempengaruhi seleksi dan perubahan leksikal dalam DMS merupakan perkahwinan campur (antara masyarakat Melayu Sarawak dan Melayu Semenanjung), proses urbanisasi, pendidikan, pengaruh media, dan status ekonomi. Perubahan ini tidak boleh dibendung. Namun, untuk memastikan perkataan lama ini tidak hilang ditelan zaman, maka usaha perlulah dilakukan untuk memastikan perkataan-perkataan lama ini didokumentasikan untuk rujukan masa depan.

Penutup

Perubahan yang berlaku dalam mana-mana bahasa adalah sesuatu yang sukar dibendung. Perubahan ini bukanlah sesuatu yang tidak baik, malah keadaan ini menunjukkan betapa bahasa itu sesuatu yang dinamik. Antara faktor yang menyebabkan perubahan ialah proses urbanisasi, perkahwinan campur, taraf pendidikan dan sebagainya. Begitu juga halnya dengan DMS yang sedikit sebanyak mengalami perubahan terutama dari segi kosa kata. Hal ini dapat dibuktikan melalui kosa kata yang digunakan oleh penutur golongan muda DMS yang kurang terdedah dan jarang menggunakan beberapa kosa kata yang sering digunakan oleh penutur yang lebih berumur. Dalam artikel ini penulis mengutarakan 20 perkataan DMS lama yang hampir hilang daripada kosa kata penutur muda.

Rujukan

- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. (2003). *An Introduction to language* (7th ed.). USA: Thomson Heinle.
- Habib, R. (2005) *The role of social factors, lexical borrowing and speech accommodation in the colloquial Arabic of rural migrant families in Hims*. Unpublished Master's thesis, University of Florida. Retrieved from http://ufdcimages.uflib.ufl.edu/UF/E0/01/17/20/00001/habib_r.pdf
- Johnson, E. (1993). The relationship between lexical variation and lexical change. *Language Variation and Change*, 5, 285-303. doi:10.1017/S0954394500001514
- Nagy, N. (2010). Lexical change and language contact. Retrieved from <http://www.lel.ed.ac.uk/ssocio/proceedings/Nagy.pdf>